

HASIL



# MANFAAT CUKAI

DIKONGSI  
BERSAMA



Mee Ming,  
awak dah siap ke  
kerja sekolah yang Cikgu Ani  
bagi minggu lepas?

Sepatutnya kita  
kena bentang  
hari ini kan?

SEK KEB SERI BESTARI



Mestilah sudah.  
Itukan kerja satu kumpulan.  
Kumpulan saya dah siapkan  
Jumaat minggu lepas lagi.

Okay,  
kalau macam tu  
*group* awak  
mula dulu.

Hei,  
mana boleh macam tu!  
Kita undilah.



Eh, inikah kelas kita?

Wah.... cantiknya!









Iya, Mee Ming. Betul, kelas kita dah bertukar cantik dan canggih.

Bawa bertenang semua.

Untuk soalan Afya pula, semua bilik darjah di sekolah kita dibaik pulih .

Tapi soalan Hisham, lebih menarik. Macam mana sekolah ada duit untuk cantikkan kelas kita?

**Cikgu Ani**

Untuk keselesaan para pelajar, supaya kamu semua boleh belajar dengan baik.

Ingat tak topik yang kita bincangkan minggu lepas?

Untuk makluman semua, semua perubahan dan peralatan yang kamu gunakan di sekolah ini adalah dibiayai oleh hasil kutipan cukai.



Setiap rakyat Malaysia yang bekerja dan yang ada pendapatan akan menyumbangkan wang cukai tersebut kepada kerajaan.



Hasil sumbangan cukai itu tadi, kerajaan gunakan untuk majukan negara kita, untuk bina kemudahan seperti hospital, sekolah dan jalan raya.



Baik, saya terangkan setakat itu sahaja. Ingat lagi tak kerja sekolah yang cikgu berikan minggu lepas?

Ingat cikgu!

Kalau macam tu, saya nak dengar apa yang awak semua faham tentang manfaat dan kepentingan sumbangan cukai.

Kumpulan mana yang nak mula present dulu?



## KUMPULAN 1



Cukai yang dipungut membantu kerajaan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh semua orang. Sebagai contoh, sekolah, taman permainan dan jalan raya.

## KUMPULAN 2

BALAI POLIS

HOSPITAL



Manfaat cukai juga boleh dilihat dari sudut keselamatan serta kesihatan.  
Misalnya, hasil cukai digunakan untuk membina hospital,  
klinik, balai polis dan juga membiayai kos keselamatan negara.

## KUMPULAN 3



Hasil cukai juga digunakan oleh kerajaan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada individu kurang berkemampuan. Semua ini penting bagi menjamin kehidupan rakyat Malaysia lebih baik.



Loceng waktu rehat berbunyi.

Untuk kelas seterusnya,  
kita akan masuk topik 2,  
kamu boleh buat  
ulang kaji dahulu.


Saya jumpa  
kamu semua  
pada hari  
Rabu nanti.

Terima kasih  
cikgu!

# KUIZ CUKAI I

## KE MANA WANG CUKAI DIBELANJAKAN:

Padankan profesion hasil sumbangan cukai dan tempat kerja mereka




# KUIZ CUKAI 2

## KE MANA WANG CUKAI DIBELANJAKAN?

Cari dan warnakan perkataan







1. KESELAMATAN
2. UNIVERSITI
3. KESIHATAN
4. SEKOLAH
5. INFRASTRUKTUR
6. PEMBANGUNAN
7. PERTANIAN
8. PERTAHANAN
9. KEMUDAHAN AWAM
10. BOMBA



O	K	E	S	E	L	A	M	A	T	A	N	I	H	I	K	P
I	L	H	C	N	I	S	W	B	U	K	L	U	N	F	E	F
N	Y	W	R	U	N	I	V	E	R	S	I	T	I	W	M	Q
F	F	A	D	V	F	V	V	K	Q	D	C	V	I	C	U	V
R	C	Z	C	T	T	R	T	E	C	V	L	H	J	G	D	B
A	W	E	D	F	B	F	T	S	Y	Q	L	W	P	Q	A	E
S	X	P	C	V	B	V	G	I	H	A	R	S	E	F	H	A
T	F	S	E	K	O	L	A	H	B	B	F	X	R	C	A	D
R	C	W	D	R	Q	W	C	A	V	M	V	W	T	H	N	H
U	G	S	C	W	T	U	G	T	V	O	V	X	A	F	A	V
K	V	X	G	S	W	A	W	A	N	B	G	X	H	V	W	W
T	T	G	C	X	S	O	N	N	T	W	C	C	A	C	A	S
U	Q	B	E	W	S	F	E	I	G	S	H	V	N	H	M	X
R	S	G	D	O	Y	Y	S	F	A	X	W	V	A	Q	S	G
C	V	B	N	M	P	E	M	B	A	N	G	U	N	A	N	T

# KUIZ CUKAI 3

Warnakan gambar sumbangan pembayar cukai kepada negara.



# LAWATAN KE KARNIVAL HASIL



Pelajar semua,  
sila beratur  
dalam barisan!

Ingat,  
nanti dah sampai  
di Menara HASiL,  
semua kena bergerak  
dalam kumpulan.  
Jangan terpisah daripada  
rakan-rakan yang lain.

Baik,  
cikgu!





Wah,  
banyaknya gerai!

Ada gerai makanan,  
ada kedai barangan!

Wahhh...  
seronoknya!




Hati-hati,  
jangan berlari.

Kita bergerak  
sama-sama.

Mari kita  
ke khemah utama  
dahulu.

Baik cikgu!

Cikgu Ani



Cukai pendapatan adalah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang diperoleh individu, syarikat, atau entiti lain dalam tempoh tertentu.



Cukai merupakan sumber utama pendapatan kerajaan untuk membiayai pelbagai perkhidmatan dan pembangunan awam, seperti pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan keselamatan.

Cukai juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kestabilan dan kesejahteraan sesebuah negara.

# MANFAAT LUKS UNTUK SEMUA

Segala kemudahan yang kita kecapai pada hari ini adalah hasil daripada sumbangan pembayar cukai.

Yeah!  
Terima kasih  
pembayar cukai!

Baru aku faham  
kenapa pentingnya  
cukai.

Menarik  
perkongsian video  
tadi.

Betul tu  
Hisham!





# MANFAAT KESIHATAN



Berikan contoh manfaat cukai dari sudut kesihatan.



## MANFAAT PENGANGKUTAN



Apakah manfaat cukai dari sudut pengangkutan?



Jalan raya, LRT, lapangan terbang dan lain-lain lagi.

Ini saya tahu.



# MANFAAT PENDIDIKAN



**MANFAAT KESELAMATAN**





Tahniah saya ucapkan kepada adik-adik kerana berjaya menjawab semua soalan dengan tepat.

Harapan saya agar adik-adik semua mendapat ilmu dan manfaat daripada permainan tersebut.

Terima kasih Encik Azamir!

Sama-sama.



Tak sabar rasanya nak jadi dewasa, ada kerja dan bayar cukai.

Bila dah besar nanti, saya nak kerja Lembaga Hasil.

Ehh, kau ni. Tiba-tiba pulak nak jadi macam Encik Azamir.


Hehe! Hehe!



Mari kita pergi  
gerai makanan.  
Saya sudah lapar.

Tadi saya nampak  
ada gerai jual nasi lemak.  
Mari kita ke sana.

**NASI  
LEMAK  
KUKUS**



Selesai berkunjung ke Karnival HASiL, para pelajar menaiki bas semula, bersiap untuk kembali ke sekolah, sambil berbual tentang pengalaman mereka di karnival.



# TERIMA KASIH KERANA BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



03-8911 1000



[facebook.com/HASiLMalaysia](https://facebook.com/HASiLMalaysia)



[hasil\\_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia)



[@HASiL\\_Malaysia](https://youtube.com/@HASiL_Malaysia)



[@HASiL\\_Malaysia](https://twitter.com/HASiL_Malaysia)



[@hasil\\_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

## Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Khidmat Korporat,  
Aras 13, Menara Hasil Cyberjaya, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Portal Rasmi: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Terbitan 2025

@ Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Khidmat Korporat

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Perpustakaan Negara Malaysia  
No. ISBN - 978-983-2586-26-5

Dicetak oleh:  
Precious Print Sdn Bhd  
No. 28, Jalan SC 5/B, Pusat Perindustrian Sg Chua, 43000 Kajang, Selangor

